

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN PERSIDANGAN PERWAKILAN KESATUAN PERKHIDMATAN
TEKNIK SEMENANJUNG MALAYSIA (MTSU)

TEMPAT: HOTEL MING COURT, KUALA LUMPUR

TARIKH: 15 JUL 1989

MASA:

Encik Alias bin Mohd. Ali;

Encik Mohamad bin Abas;

Encik A. Rangunathan;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia atau MTSU kerana menjemput saya ke Persidangan Perwakilan MTSU ini. Ini adalah kali ketiga saya merasmikan Persidangan MTSU dan saya berharap Persidangan ini akan menghasilkan idea-idea yang akan memberi manfaat kepada semua ahli kesatuan sekerja ini.

2. Ini adalah minggu kedua berturut-turut saya berucap kepada kesatuan sekerja. Hari ini saya berhadapan dengan ahli-ahli MTSU. Pada minggu yang lepas saya telah menghadiri Konvensyen CUEPACS. Seperti mana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, sebelum itu saya telah mengadakan perjumpaan dengan MTUC. Nampaknya bulan ini adalah bulan kesatuan sekerja bagi saya. Tetapi apa yang penting kepada saya ialah, ia menunjukkan kemesraan di antara kesatuan-kesatuan sekerja dengan pihak Kerajaan. Saya berharap hubungan mesra ini bukan sahaja dipelihara, tetapi juga ditingkatkan demi kepentingan kita bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Kerajaan mempunyai hubungan baik dan mesra dengan kesatuan-kesatuan sekerja sama ada dalam perkhidmatan awam atau swasta. Dalam hal ini MTSU merupakan salah satu kesatuan sekerja dalam perkhidmatan awam yang telah memberi kerjasama serta menjalinkan hubungan baik dengan Kerajaan.

4. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Kerajaan mengutamakan kerjasama dengan pihak kesatuan-kesatuan sekerja termasuklah kesatuan-kesatuan sekerja dalam perkhidmatan awam di mana Kerajaan merupakan majikannya. Kesatuan-kesatuan sekerja awam telah memberikan kerjasama yang diperlukan bagi menyelesaikan berbagai-bagai perkara yang dihadapi oleh kakitangan Kerajaan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun kadangkala terdapat juga perbezaan di antara pihak Kerajaan dengan kesatuan-kesatuan sekerja awam, tetapi pada hemat saya, ini adalah perkara

biasa dalam negara yang mengamalkan demokrasi.

5. Pengalaman kita serta sejarah hubungan antara Kerajaan dengan kesatuan-kesatuan sekerja awam jelas menunjukkan bahawa lebih banyak faedah dan manfaat dapat diperolehi daripada kerjasama antara dua pihak. Sebaliknya jarang dapat kita menyelesaikan sesuatu masalah itu apabila terdapat konfrontasi atau pergeseran dalam hubungan antara Kerajaan dan kesatuan-kesatuan sekerja awam. Pendek kata, kerjasama menghasilkan lebih banyak manfaat daripada sikap pertentangan. Kerajaan berharap bahawa kesatuan-kesatuan sekerja awam akan mengutamakan sikap kerjasama dan bertolak-ansur dalam sebarang perundingan dengan pihak majikan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Sepertimana kita sedia maklum, sektor perkhidmatan awam merupakan perkhidmatan terbesar di negara kita. Kira-kira 840 ribu orang kakitangan berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Pengwujudan perjawatan dalam perkhidmatan awam meningkat dengan banyak pada tahun-tahun tujuh puluhan dan awal lapan puluhan. Selepas itu, dengan perancangan dasar penswastaan dan dengan terlaksananya langkah-langkah mengawal kewangan Kerajaan berikutan kemelesetan ekonomi, pengwujudan jawatan-jawatan awam yang baru telah terhad kepada jawatan-jawatan yang sangat penting sahaja. Langkah ini adalah sangat perlu setelah kita mengkaji kedudukan kewangan negara.

7. Di segi mengwujudkan peluang-peluang pekerjaan ini, sektor swasta hendaklah memainkan peranan yang penting, terutama apabila Kerajaan telah menetapkan bahawa pihak swasta akan menjadi jentera utama dalam pembangunan ekonomi negara pada masa hadapan.

8. Dalam hal ini Kerajaan telah melonggarkan beberapa peraturan pelaburan bagi menarik lebih banyak pelaburan. Strategi ini di samping memusatkan lagi pembangunan ekonomi keseluruhannya, adalah juga untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan di negara ini. Kerajaan akan terus memastikan sektor swasta diberi galakan untuk mewujudkan seberapa banyak pekerjaan. Syarat-syarat yang lama yang lebih menekankan penyertaan penduduk tempatan dan bumiputera dalam modal atau equity dikurangkan atau digugurkan sama sekali, kerana semasa kemelesetan bahagian DEB yang diutamakan ialah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum. Pengwujudan peluang-peluang pekerjaan memenuhi kehendak pembasmian kemiskinan. Walaupun ini mungkin difikirkan tidak ada kena mengena dengan peluang pekerjaan dan pendapatan pekerja dalam sektor awam, sebenarnya secara tidak langsung ia mempunyai kaitan yang rapat. Jika tidak ada pertumbuhan ekonomi Kerajaan akan menghadapi kesukaran membiayai jentera Kerajaan yang begitu besar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Perubahan ekonomi ke arah perindustrian yang lebih

pesat memerlukan tambahan tenaga kerja dalam beberapa bidang tertentu, terutama kejuruteraan, teknikal, pengurusan dan bidang kemahiran tertinggi. Kerajaan telah menyelaraskan sistem pendidikan dan latihan daripada peringkat sekolah menengah lagi untuk memenuhi keperluan baru ini. Setakat ini para lepasan sistem pendidikan dan latihan Kerajaan telah dapat memenuhi keperluan itu. Kerajaan akan terus mempertingkatkan keberkesanan dalam menghasilkan tenaga kerja yang mahir, berpengalaman dan mudah menyesuaikan diri dengan keperluan pihak swasta.

10. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai perkembangan yang sedang berlaku di negara kita. Semenjak galakan diberikan oleh Kerajaan kepada para pelabur dalam berbagai jenis industri peluang-peluang pekerjaan telah diwujudkan. Tiap-tiap hari iklan berkenaan dengan peluang pekerjaan di pelbagai peringkat disiarkan dalam akhbar. Dalam keadaan ini sepatutnya bilangan penganggur berkurangan.

11. Tetapi pengangguran masih menjadi masalah kerana ramai yang terlalu memilih kerja atau memilih tempat untuk bekerja. Ramai yang mungkin tidak sanggup meninggalkan kampung halaman untuk mengejar kerja. Ramai yang percaya bahawa kerja-kerja tertentu tidak sesuai bagi mereka.

12. Pembangunan negara memerlukan pertumbuhan berbagai bidang ekonomi. Pertumbuhan ekonomi juga akan meningkatkan pendapatan pekerja. Jika rakyat Malaysia tidak sanggup bekerja, ekonomi negara tidak akan tumbuh, akhirnya pekerja juga yang akan menjadi mangsa. Justeru itu amatlah penting kaum pekerja diorientasikan supaya dapat menyesuaikan diri dengan iklim perubahan yang dilalui oleh negara di waktu ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Saya percaya ini adalah kali terakhir Saudara Ragunathan menyertai MTSU. Saya mengenali Saudara Ragu buat pertama kali apabila beliau mengetuai satu picket line di Kementerian Pelajaran semasa saya menjadi Menteri Pelajaran. Sebagai Menteri yang baru dilantik saya tidak senang hati dengan kegiatan militan Saudara Ragu.

14. Masa yang panjang berlalu sebelum saya mengenali dengan rapat Saudara Ragu. Saya dapati beliau adalah unionist par excellence -- seorang yang amat dedicated kepada 'the cause of the workers'. Walaupun beliau kenal dengan saya, beliau tidak pernah lupa bahawa beliau mewakili kepentingan pekerja. Tuntutan yang dibuat oleh beliau terutama sekali berkenaan dengan Pembantu Teknik tidak pernah dihentikan walau apa pun cadangan tolak ansur daripada Kerajaan.

15. Persaraan beliau bermakna satu kehilangan besar bagi MTSU, dan juga gerakan buruh di negara ini. Saya ingin mengucapkan selamat bersara kepada Saudara Ragu sebagai presiden MTSU.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada MTSU kerana menjemput saya ke Persidangan ini. Saya percaya Persidangan ini akan menghasilkan sesuatu yang membina bukan sahaja kepada MTSU tetapi juga kepada masyarakat keseluruhannya.

17. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Perwakilan MTSU ini.